

07 JAN 2004

ABDULLAH-NOR MOHAMED

NOR MOHAMED YAKCOP DILANTIK MENTERI KEWANGAN KEDUA

PUTRAJAYA, 7 Jan (Bernama) -- Tan Sri Nor Mohamed Yakcop telah dilantik sebagai Menteri Kewangan Kedua, menggantikan Datuk Dr Jamaludin Jarjis, umum Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di sini, hari ini.

Bercakap di sidang media bagi mengumumkan rombakan kabinet, beliau berkata Nor Mohamed, yang menjadi penasihat ekonomi kepada Perdana Menteri berkaitan hal ehwal kewangan sejak Tun Dr Mahathir Mohamad, akan mula bertugas pada Jumaat ini.

Nor Mohamed juga adalah bekas penasihat Bank Negara, di mana kerjayanya di bank pusat bermula pada 1968 sebelum meninggalkannya pada 1994 dan kemudian dilantik sebagai penasihat khas bank pusat pada September 1998.

Abdullah, yang juga selaku Menteri Kewangan berkata Nor Mohamed adalah calon yang sesuai bagi jawatan itu kerana beliau berpengalaman luas.

"Saya perlukan seorang menteri yang boleh membantu saya dan sentiasa berada di kementerian kerana banyak kerja yang perlu dilakukan ketika ini," katanya.

Abdullah, yang juga memegang portfolio Kementerian Dalam Negeri berkata sebagai seorang yang tidak perlu mendapatkan sokongan politik, Nor Mohamed boleh "menumpukan masanya untuk memantau ekonomi dan menyelaraskan apa yang perlu diselaraskan."

"Beliau boleh berkhidmat secara profesional di kementerian," katanya.

-- BERNAMA

MAD/SHO MR FR ZK